

1012

KERELEVANAN PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN DAKWAH DI PERINGKAT SEKOLAH DI MALAYSIA

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
yusufmarlon@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang kerelevanannya pelaksanaan kurikulum pendidikan dakwah di peringkat sekolah di Malaysia. Melihat kepada situasi semasa iaitu isu-isu yang melibatkan penglibatan para pelajar dalam kes-kes seperti pelajar memukul guru, merokok, ajaran sesat, buli, keterlibatan pelajar dengan gangsterisme, vandalisme dan sebagainya. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu analisis dokumen daripada kajian-kajian lepas untuk menjelaskan dan menekankan kerelevanannya pelaksanaan kurikulum pendidikan dakwah di peringkat sekolah di Malaysia. Hasil analisis kajian mendapati bahawa keperluan pelaksanaan ini adalah berdasarkan daripada laporan-laporan konkrit yang melibatkan isu pelajar iaitu peningkatan kes-kes jenayah, budaya-budaya yang tidak sihat, kerosakan akidah dan akhlak para pelajar. Justeru itu, sebagai jalan penyelesaian dan alternatif terhadap isu-isu ini perlu kepada suatu mekanisma pelaksanaan kurikulum pendidikan dakwah di peringkat sekolah untuk menjamin kestabilan akidah, syariat dan sahsiah generasi muda sebagai harapan agama, bangsa dan negara.

Kata Kunci: Kerelevan, Pendidikan Dakwah, Sekolah, Malaysia

1. PENGENALAN

Mengimbas kembali intipati tema sambutan Hari Guru 16 Mei 2013, Guru Malaysia: 1 Aspirasi, 1 Agenda membawa maksud semua guru di Malaysia perlu mempunyai satu aspirasi untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti bertaraf dunia seperti hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Kelangsungan sistem pendidikan yang telah pun dirangka itu berkehendakkan hasrat murni pendidikan untuk melahirkan pelajar mempunyai enam aspirasi iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kepimpinan, kemahiran dwibahasa, beretika dan beridentiti sosial. Justeru itu, melihat kepada salah satu aspirasi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, iaitu beretika maka satu mekanisma perlu dibangunkan untuk mencapai melahirkan para pelajar yang beretika. Bahkan lebih dari itu iaitu beriman, berakhlik, patuh kepada undang-undang dan sebagainya sesuai dengan rukun negara.

Rentitan daripada perkara tersebut, maka kurikulum pendidikan dakwah perlu dilaksanakan di peringkat sekolah untuk membaiki sahsiah dan disiplin pelajar. Bersesuaian dengan aspirasi tersebut tidak mungkin akan tercapai jika isu-isu yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah seperti gejala ponteng, vandalisme, gejala zina, merokok, kes-kes devian dan sebagainya tidak diatasi dengan kadar segera.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu analisis dokumen untuk membincangkan kerelevanannya pelaksanaan kurikulum pendidikan dakwah di peringkat sekolah di Malaysia. Untuk melihat kerelevanannya tersebut maka analisis dokumen seperti artikel, prosiding, e-prosiding, jurnal dan beberapa bentuk penulisan ilmiah dijalankan.

3. ISU DAN PERMASALAHAN PELAJAR DI SEKOLAH

3.1 Statistik Laporan Kes Jenayah Melibatkan Pelajar Sekolah

Isu disiplin murid menarik perhatian masyarakat secara berterusan. Kebimbangan dalam kalangan masyarakat disebabkan mereka berpendapat murid merupakan generasi pelapis masa hadapan. Di Malaysia, masyarakat semakin bimbang dengan peningkatan kes jenayah yang melibatkan murid. Kajian Marzita Abdullah (2003) mengenai masalah disiplin murid di Malaysia. Kajian tinjauan sepanjang tahun 2002 sehingga 2004 menemui seramai 5,807 murid ditangkap di luar kawasan sekolah dalam operasi ponteng sekolah oleh anggota Polis Diraja Malaysia.

Seterusnya, laporan daripada Polis Diraja Malaysia berkaitan kes-kes jenayah melibatkan pelajar-pelajar dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 25,626 kes (Harian Metro, 2011). Berdasarkan statistik tersebut kes juvana dari tahun 2006 sehingga 2010, Selangor mencatatkan kes tertinggi pada tahun 2006 dan 2007 iaitu sebanyak 911 dan 1114 kes. Manakala pada tahun 2008 Kuala Lumpur mendahului dengan catatan sebanyak 1424, diikuti Johor sebanyak 617 kes pada tahun 2009 dan pada tahun 2010 negeri Kedah adalah paling tinggi dengan jumlah sebanyak 460 kes. Manakala pada tahun 2012 sebanyak 3,700 kes dan terus meningkat pada tahun 2013 iaitu sebanyak 7,816 kes (Berita Harian 2014).

Menurut Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, SAC Hassanuddin Hassan, statistik gejala sosial dalam kalangan remaja di Selangor pada tahun 2012 menyaksikan 795 kes dicatatkan membabitkan jenayah kekerasan dan harta benda seperti bunuh, rompak, samun dan rogol. Manakala, pada tahun 2011, sebanyak 1,811 kes direkodkan dengan tangkapan sebanyak 2,361 orang (Kosmo, 2013). Walaupun berlaku penurunan terhadap bilangan kes namun isu ini perlu diambil peduli oleh pihak berwajib dan perlu adakan satu mekanisma bagaimana menyelesaikan isu ini sesuai dengan aspirasi pendidikan. Justeru itu, penerapan korikulum pendidikan dakwah di sekolah perlu diwujudkan bagi mendidik secara langsung golongan ini yang merupakan penerus kepada generasi akan datang. Memang istilah pendidikan dakwah adalah istilah baru dalam masyarakat namun istilah ini sudah wujud sejak perutusan Nabi Muhammad SAW bahkan para nabi sebelumnya. Dengan kaedah pendidikan dakwah, etika dan akhlak Islam dapat diterapkan kepada para pelajar secara langsung. Amran (1993) menyatakan bahawa punca utama menyebabkan seseorang itu terlibat dengan kesalahan jenayah adalah kerana tidak mempunyai didikan agama atau didikan agamanya tidak mendalam.

3.2 Kebimbangan Terhadap Terpesongnya Akidah Pelajar

Isu terhadap penyelewengan akidah memberi impak negatif terhadap kesucian akidah iaitu terkeluar daripada Islam. Orang yang murtad halal darahnya dalam Islam kecuali apabila dia bertaubat dan kembali kepada Islam. Hukuman berat ini adalah simbolik kepada bahayanya gejala murtad hasil daripada penyelewengan akidah seseorang. Bahkan penyelewengan akidah turut mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Antara peristiwa yang berlaku ialah pada 19 Oktober 1974 apabila salah seorang daripada kumpulan ajaran sesat 4 sahabat di Kg. Dedap, Rantau Panjang, Kelantan telah mati ditembak dalam satu pertempuran dengan pasukan keselamatan dan peristiwa Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan Imam Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak iaitu Tuan Haji Damanhuri Abd. Wahab pada 7 Julai

1979. Pada tahun yang sama juga pada 19 Ogos, seramai 4 orang pengikut Ilmu Kasyaf pimpinan Haji Kamaruddin @ Abdullah Sani Kajang mati terbunuh dalam satu peristiwa di Kerling, Selangor. Pada 16 Oktober 1980 pula, seramai 8 orang daripada kumpulan ajaran sesat pimpinan Nasir Kemboja yang mengaku sebagai Imam Mahdi terbunuh apabila mereka menyerang dan mencederakan anggota yang bertugas di Balai Polis Batu Pahat, Johor (Zamihan Haji Mat Zin, 2008). Seperkara yang perlu diambil serius berkaitan pengaruh kumpulan yang membawa ajaran sesat dan ideologi yang menyeleweng seperti fahaman ateis, kebebasan beragama, sekular, LGBT dan sebagainya. Golongan pelajar di sekolah perlu dibimbang kerana mereka akan menjadi sasaran disebabkan golongan ini mudah terpengaruh akibat daripada pemikiran dan usia yang belum matang. Tajul Ariffin (1993) menjelaskan bahawa pembinaan kekuatan akidah dan agama adalah asas kepada pembentukan insan yang baik. Kekuatan tersebut bermaksud semua rakyat mesti percaya dan patuh pada Tuhan dan kekuatan ini seharusnya dibina dan dikembangkan ke semua peringkat pendidikan.

3.3 Kebimbangan Terhadap Kerosakan Akhlak Pelajar

Akhir-akhir ini terdapat satu hiburan dan tarian golongan pelajar yang dinamakan ‘Tarian Rave’. Menurut Faten Saphilla Mohamed Isa (2016), raver merupakan satu reka cipta yang dibuat oleh golongan terlibat khususnya remaja dan pelajar berdasarkan keseronokan dan mengikut cita rasa masing-masing untuk menunjukkan ekspresi diri mereka. Ia menjadi aktif semula selepas senyap beberapa tahun dahulu disebabkan kematian 6 orang remaja akibat pengambilan dadah secara berlebihan ketika menghadiri konsert ‘Future Music Festival Asia’ di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur (The Rakyat Post, 2014). Sharifah Nursyahidah Syed Annuar & Muhammad Febriansyah (2018) menyatakan bahawa ia kemudiannya senyap dan tidak dibincangkan lagi setelah itu. Hanya pada awal tahun 2016, isu rave timbul sekali lagi ekoran rencana pergaduhan antara kelompok raver dan hipster di KLCC, Kuala Lumpur menjadi tular di laman-laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Walaupun pergaduhan fizikal itu berjaya dicegah, namun pengguna media sosial di negara ini menjadi kecoh. Kebanyakannya mengcam kelompok raver yang majoritinya terdiri daripada remaja dan pelajar sekolah menengah kerana mengamalkan perilaku dan budaya yang bertentangan dengan nilai, norma dan adat budaya di negara ini. Isu ini telah menyebabkan rave sebagai sebuah ekspresi budaya anak muda menjadi pusat perhatian, walaupun kewujudannya di Kuala Lumpur dikesan dalam tiga tahun terakhir. Kewujudan raver di Kuala Lumpur dapat ditandakan melalui tarian khusus yang disebut sebagai rave, sering berkelompok dan mempamerkan tarian mereka di ruang awam, serta tidak bersetuju dengan kelompok lain. Ciri khas tersebut memberi kesan bahawa rave juga ialah satu sub-budaya. Perkara ini kerana sub-budaya lain yang pernah wujud di Malaysia seperti punk, skinhead, goth dan sebagainya juga memiliki perbezaan dari segi penampilan, aliran muzik, dan gaya hidup. Perbezaan tersebut biasanya dianggap sebagai sebahagian daripada bentuk penentangan. Namun, jika dilihat pula daripada perspektif pasca sub-budaya (*post-subculture*) yang wacananya mula berkembang pada tahun 1990-an, maka rave dan sub-budaya lain yang lahir selepas itu lebih mewakili budaya anak muda yang bersifat hedonis dan cenderung tidak bersifat politik (Williams & Hannerz, 2014).

4. PENDIDIKAN DAKWAH SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA ISU PERMASALAHAN DI SEKOLAH

Pendidikan dakwah merupakan tunjang kepada agama iaitu menyerapkan ajaran Islam secara holistik di dalam kehidupan seharian sehingga menjadikan Islam sebagai *way of life* dalam semua aspek kehidupan seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, pendidikan dakwah perlu dimasukkan sebagai kurikulum tambahan di sekolah sebagai jalan penyelesaian kepada isu dan permasalahan pelajar. Dengan wujudnya subjek pendidikan dakwah di sekolah para pelajar dapat dididik dengan akidah yang benar iaitu berpegang kepada Akidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah. Seperti yang diketahui, penyelewengan akidah bukan isu yang baru timbul bahkan al-Quran telah membicarakan sejarah penyelewengan akidah yang berlaku sejak zaman berzaman, begitu juga Nabi Muhammad SAW. Penyelewangan akidah berkait rapat dengan dendam kesumat syaitan terhadap keturunan manusia. Sejak Nabi Adam AS diturunkan oleh Allah SWT ke dunia, sejak itulah syaitan berikhtiar habis-habisan untuk menyelewengkan akidah manusia. Syaitan mengeksploritasikan hawa nafsu bagi menjayakan hasrat tersebut.

Umat Islam di Malaysia tidak terlepas daripada terjebak dengan penyelewengan akidah. Perkara ini dapat dilihat dengan kemunculan kumpulan-kumpulan ajaran yang menyeleweng atau lebih dikenali sebagai ajaran sesat di merata tempat di seluruh negara. Sesungguhnya, akidah merupakan asas kepada dakwah dan matlamat dakwah ialah menjadikan Islam sebagai anutan semua lapisan masyarakat tidak kira kaum, bangsa dan etnik. Justeru itu, akidah merupakan pokok utama mengapa para Rasul diutuskan di dunia ini. Namun sehingga ke hari ini masih banyak ajaran sesat dan ideologi yang menyeleweng sehingga terhasil beberapa penulisan ilmiah dalam bidang penyelidikan. Antaranya terdapat buku yang ditulis oleh Abdulfatah Haron (1987) dari Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Ajaran Sesat*. Tulisan beliau berfokuskan ajaran sesat yang berlatarkan tasawuf Wahdah al-Wujud dan Batiniyyah. Antara ciri-ciri ajaran ini ialah mencaci alim ulamak dan fuqahak Islam dengan tujuan menolak kerasulan Nabi Muhammad SAW, Islam zahir dan batin iaitu setiap ibadat mempunyai pengertian zahir atau syariat dan batin atau hakikat, bermula dua iaitu menolak zahir syariat (mengikut pandangan mereka) yang dianggap sebagai kulit seperti solat Jumaat, bahkan solat hanya untuk menjaga adat dan undang-undang dan gerakan rahsia dengan menyembunyikan ajaran mereka. Beliau mengupas tentang ajaran Batiniyyah dari segi sejarah perkembangan dan kesesatan ajaran Batiniyyah seperti kiamat tidak berlaku, 30 huruf hijaiyyah, nikah batin dan sebagainya. Bahkan banyak ajaran sesat yang menjadi popular suatu zaman dahulu seperti ajaran Zikrullah Ayah Pin yang muncul di Hulu Besut Terengganu, ajaran Hassan Anak Rimau di Jajahan Tanah Merah, Kelantan dan sebagainya.

Kedua, dapat memantau para pelajar dengan pelaksanaan rukun Islam seperti solat fardu khususnya di sekolah. Para pelajar boleh dididik dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan istiqamah dengan menerapkan falsafah solat, kelebihan solat dari sudut sistem tarbiyyah dan sains. Juga, dapat memantau keadaan puasa para pelajar di bulan Ramadan dan mendidik mereka dengan prinsip sabar ketika melakukan ketaatan terhadap perintah pada Allah SWT. Kajian Hasna Bin Bidin (2016) mendapati bahawa daripada 419 orang pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang sempurna dan konsisten. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan solat pelajar yang sederhana dan masih perlu diperbaiki. Dapatkan berikutnya

menunjukkan bahawa faktor dominan seseorang pelajar menunaikan solat ialah didikan ibubapa manakala faktor dominan pelajar meninggalkan solat pula ialah sikap malas. Menurut Nursafra *et al.* (2012:5), terdapat sebanyak 100% responden iaitu 31 orang meninggalkan solat fardu lima waktu disebabkan faktor malas, pengaruh rakan dan tidak dibimbang oleh kedua ibu bapa, ketiadaan tarbiyah dari kolej sendiri dan sebagainya.

Ketiga, dapat mendidik para pelajar dengan syariat Islam. Membimbang para pelajar supaya tidak melakukan perkara-perkara menyalahi syariat Islam seperti gejala zina, pergaulan bebas, merokok, minum arak, tidak menutup aurat dan sebagainya. Dengan adanya pendidikan dakwah maka para pelajar akan sentiasa melaksanakan amar ma'ruf nahi mungkar iaitu menyeru kepada perkara kebaikan dan melarang daripada perbuatan mungkar dan keji bahkan dapat melatih para pelajar dengan tugas kenabian iaitu berdakwah dalam kalangan sesama pelajar. Secara langsung dapat memperbetulkan akhlak dan perangai pelajar ke arah yang lebih baik, menghormati para guru dan rakan-rakan serta menjauhi daripada terjebak dengan kegiatan vandalisme, buli, gangsterisme, ekstremisme, radikalisme dan sebagainya

5. KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan beberapa perbahasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan dakwah perlu dilaksanakan di sekolah sebagai alternatif untuk membentuk golongan pelajar ke arah melahirkan umat Islam yang terdiri daripada daie, ulamak dan umara' disamping juga ibu bapa mesti memulakan pendidikan agama kepada anak-anak sejak dari kecil di rumah dan memastikan anak-anak terus mendapat pendidikan agama sehingga dia baligh kerana Kejahilan akan menyuburkan pengaruh hawa nafsu.

Guru-guru perlu menerapkan akidah yang sahih kepada pelajar seperti penerapan terhadap kepercayaan kepada Allah SWT, keEsaanNya, kebesaranNya yang akan dapat membolehkan pelajar membuat hubungan antara pelajaran dengan dasar ketuhanan sehingga pelajar tidak memisahkan akidah dengan kehidupan sehari-hari.

Pihak kementerian pendidikan, sekolah dan guru-guru perlu memberi penekanan kepada aspek penjagaan ajaran Islam melalui pendidikan dakwah seperti menghidupkan program-program dakwah di sekolah seperti amar makruf nahi mungkar dan penerapan pendidikan dakwah perlu ditekankan di peringkat awal bermula di sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat universiti dan alam pekerjaan. Kerajaan harus menambah sistem pendidikan yang ada dengan memasukkan pendidikan dakwah sebagai satu subjek yang perlu dipelajari oleh pelajar Muslim di sekolah.

Pendidikan dakwah berupaya untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat. Justeru, kerajaan, guru dan murid, seharusnya menyedari pelaksanaan pendidikan dakwah merupakan satu mekanisme untuk membangunkan diri manusia berdasarkan ajaran Islam kerana matlamat pendidikan dakwah ialah menerapkan akidah yang sahih, masyarakat yang patuh kepada syariat dan beramal dengan akhlak Islam sehingga dapat melahirkan daie, ulamak dan umara'. Selanjutnya, pendidikan dakwah juga berperanan sebagai tunjang kepada pembangunan institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat untuk mencapai matlamat negara yang diredayai Allah SWT sesuai dengan Rukun Negara.

6. RUJUKAN

- Amran Kasimin. 1993. *Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Berita Harian. 2014. Peningkatan Kes Jenayah Juvana Membimbingkan.
- Faten Saphilla Mohamed Isa. 2016. Mencari Kebaikan di Sebalik Kegilaan Rave. Kosmo, 24 Februari.
- Harian Metro. 2011. Statistik Peningkatan Jenayah.
- Kosmo. 2013. Pencegahan Jenayah.
- Marzita Abdullah. 2003. Bebas samseng – kelulusan, pengalaman pengetua bukan penentu. Portal Pendidikan Utusan, 9 September. <http://www.tutor.com.my> [21 Mac 2015].
- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar & Muhammad Febriansyah. 2018. Raver dan Hipster: Ekspresi Sub-Budaya Remaja di Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi Jilid 34(1)* 2018:135-152.
- The Rakyat Post. (2014). Rave parties: A ban will not solve anything. Retrieved from <http://www.therakyatpost.com/allslides/2014/03/22/rave-parties-a-ban-will-notsolve-anything>.
- Tajul Ariffin. 1993. Reformasi Pendidikan dan Keperluan Masa Hadapan. Dlm Pendidikan Islam Era 2000: *Tasawur dan Strategi*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.
- Williams, P., & Hannerz, E. (2014). Articulating the “counter” in subculture studies. MC Journal: A Journal of Media and Culture, 17(6). Retrieved from <http://journal.mediaculture.org.au/index.php/mcjourn/article/view/912>.
- Zamihan Haji Mat Zin. 2008. *Ajaran Sesat dan Bahayanya Terhadap Agama dan Negara*, (Kertas kerja Seminar Pemantapan Akidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka di Auditorium Masjid al-Azim, Bukit Palah, Melaka, 3 April).